

Dari Patih ke Penguatkuasa Agama: Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Islam di Brunei Darussalam (Kurun ke-16 hingga 2026)
(From Patih to Religious Enforcement Officer: The Enforcement of Islamic Criminal Law in Brunei Darussalam (16th Century to 2026))

Siti Zubaidah Ismail^a & Suhaimi Haji Gemok^b

Abstrak

Artikel ini menelusuri sejarah penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Negara Brunei Darussalam dengan menumpukan kepada evolusi institusi, bidang kuasa dan mekanisme penguatkuasaan dari abad ke-16 hingga era pasca-kemerdekaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berasaskan analisis sejarah perundangan yang bersandarkan kepada pelbagai sumber sekunder mengenai manuskrip sejarah terutamanya *Boxer Codex*, Hukum Kanun Brunei, perjanjian kolonial, dan sumber undang-undang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pada zaman Kesultanan Brunei, pentadbiran penguatkuasaan jenayah Islam dilaksanakan secara menyeluruh melalui gabungan kuasa kehakiman oleh Sultan, pembesar negara, dan institusi agama. Undang-undang yang digunapakai sejak kurun ke-16 adalah “Kanon” (Hukum Kanun Brunei), Hukum Syarak, Adat Resam. Semasa era Residen Inggeris, *Muhammadan Law Enactment 1912* telah memperkenalkan hukuman penjara dan denda, sekaligus mengeneipkan Kanun yang bersumberkan undang-undang Islam, mengecilkan skop kesalahan agama dan menukar sistem penguatkuasaannya. Usaha penstrukturan semula institusi agama dan kehakiman terus dilakukan sejak tahun 50an dan telah membawa kepada pengukuhan perundangan dan penguatkuasaan syariah dalam sistem perundangan moden apabila Brunei mencapai kemerdekaan pada tahun 1984. Kesimpulannya, penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Brunei mencerminkan interaksi dinamik antara tradisi perundangan tempatan, pengaruh kolonial, dan pembinaan negara modern. Kajian ini memberi impak terhadap pemahaman sejarah dan pembangunan sistem penguatkuasaan syariah moden di Brunei.

Kata kunci: Undang-undang jenayah Islam, Hukum Kanun Brunei, *Boxer Codex*, penguatkuasaan jenayah syariah, sejarah undang-undang

Abstract

This article explores the historical development of Islamic criminal law enforcement in Brunei Darussalam, focusing on institutional structures, jurisdictional authority, and enforcement mechanisms from the sixteenth century to the post-independence era. The study adopts a qualitative approach based on historical-legal analysis, drawing on various secondary sources, including historical manuscripts particularly the Boxer Codex, the Hukum Kanun Brunei, colonial treaties, and legal documents. The findings indicate that during the Brunei Sultanate, the enforcement of Islamic criminal law was comprehensively administered through a combination of judicial authority exercised by the Sultan, state officials, and religious institutions. The laws applied since the sixteenth century were the Kanon (Hukum Kanun Brunei), Hukum Syarak and Resam (local customs). During the British Residency era, the Muhammadan Law Enactment 1912 introduced imprisonment and fines, thereby marginalising the Kanun rooted in Islamic law, narrowing the scope of religious offences, and transforming its enforcement system. Efforts to restructure religious and judicial institutions

^a Siti Zubaidah Ismail (corresponding author) Associate Professor, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: szubaida@um.edu.my.

^b Suhaimi Haji Gemok, Director, Department of Syariah Affairs, Ministry of Religious Affairs, Brunei Darussalam. Email: suhaimi.gemok@mora.gov.bn.

continued from the 1950s, ultimately strengthening Shariah legislation and enforcement within the modern legal framework following Brunei's independence in 1984. The study concludes that the enforcement of Islamic criminal law in Brunei reflects a dynamic interaction between indigenous legal traditions, colonial influence, and post-colonial state-building. This study contributes significantly to understanding the historical development of modern Shariah enforcement in Brunei.

Keywords: *Islamic criminal law, Hukum Kanun Brunei, Boxer Codex, shariah criminal enforcement, legal history*

Pendahuluan

Islam adalah asas kepada pemerintahan Kesultanan Brunei sejak pertengahan abad ke-14 yang diasaskan oleh Sultan Muhammad Syah atau Awang Alak Betatar (1363-1402). Umumnya abad ke-15 dan 16 merupakan zaman perkembangan Islam yang pesat di Asia Tenggara. Kesultanan Brunei merupakan salah satu kerajaan yang penting di Alam Melayu pada kurun-kurun berkenaan. Brunei di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah (1485-1524) dianggap zaman kegemilangan atau “the Golden Age of Brunei”¹ kerana telah meluaskan pengaruhnya ke sebahagian besar Borneo, Kepulauan Sulu termasuk Selatan Filipina dan Kepulauan Luzon. Justeru, boleh dikatakan bahawa Brunei telah menjadi salah satu pusat penyebaran agama Islam di Kepulauan Borneo sehingga ke Filipina.²

Sejak era pemerintahan Sultan Brunei ke-empat iaitu Sultan Sharif Ali (1425-1432), undang-undang Islam bukan sahaja berfungsi sebagai norma keagamaan, malah menjadi teras sistem pentadbiran dan kehakiman negara. Penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Negara Brunei Darussalam mempunyai sejarah yang panjang dan unik. Penguatkuasaan dan pelaksanaannya ketika itu berpandukan kepada Hukum Kanun Brunei yang berlandaskan hukum Islam serta adat tempatan. Sultan selaku hakim dibantu oleh pembesar negara, memainkan peranan utama dalam penguatkuasaan dan pengadilan kes-kes jenayah. Sesetengah sarjana berpendapat bahawa Hukum Kanun Brunei ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Muhamad Hassan (1582-1598). Baginda terkenal sebagai seorang sultan yang gagah berani, bijaksana dan telah melaksanakan Hukum Kanun, Hukum Syarak dan Resam dalam pemerintahan Baginda. Pemakaian tiga perkara ini: Hukum Kanun yang merupakan warisan Sultan Hassan,³ Hukum Syarak dan Resam tempatan berterusan pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Jalilul Akbar (1598-1659) dan berterusan hingga kurun ke-19.⁴ Campur tangan British melalui sistem Residen Inggeris mulai 1906 telah membawa perubahan ketara terhadap struktur sedia ada. Walaupun dasar rasmi British menyatakan tidak mencampuri hal ehwal agama Islam, realitinya berlaku campur tangan politik/pentadbiran yang telah mengecilkan skop undang-undang jenayah Islam dan melemahkan mekanisme penguatkuasaannya. Undang-undang Islam diletakkan dalam bidang kuasa yang terhad, manakala sistem keadilan awam berasaskan undang-undang Inggeris diberi keutamaan dari segi struktur, sumber dan pelaksanaan.

¹ H.R. Hughes-Hallet, A Sketch of the History of Brunei, *JMBRAS*, 18, no.2 (1940), 23-42

² Dg Junaidah Awang Jambol, Zulayti Zakaria, Ang Kean Hua, Linda Roziani Jamru, Zainuddin Baco, “Pentadbiran Wilayah Jajahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara Pada Abad ke-16 Hingga 19” *Jurnal Borneo Akhailogia*, 7, no. 1 (2022):145-161

³ Haji Hazair Haji Abdullah, “Politik, Pentadbiran dan Wawasan: Pelaksanaan dan Hala Tuju”, kertas kerja Seminar Hari Kebangsaan 2004. <https://www.bruneiresources.com/speeches/politik.html> (7/5/2026)

⁴ Tarikh sebenar penulisan Kanun masih diperdebatkan. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, “Perkembangan Undang-Undang Agama Sejak Tahun 1955 Hingga Tahun 2004” dalam Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam, penyt. Haji Metussin Haji Baki, (Jabatan Kehakiman Negara, 2005), 103-127.

Selepas era Residen Inggeris berakhir dan menjelang kemerdekaan pada tahun 1984, proses pemerkasaan perundangan Islam melalui penstrukturan institusi agama, kehakiman dan hal-ehwal penguatkuasaan giat dilakukan. Usaha ini memperlihatkan komitmen negara untuk memperkukuhkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan kedudukan undang-undang Islam sebagai sebahagian daripada sistem perundangan nasional dalam kerangka negara moden.⁵ Sungguhpun demikian, berasaskan pelbagai literatur sejarah, didapati para sarjana banyak memberikan fokus kepada perkembangan undang-undang Islam, pembentukan sistem kehakiman Islam dan pentadbiran keadilan yang berlegar di bawah kekuasaan Sultan. Trajektori penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di zaman Kesultanan Brunei, malah Kesultanan Melayu secara amnya, tidak berkembang secara berasingan, malah sukar untuk dijumpai istilah “penguatkuasaan” pada zaman silam.⁶ Ini kerana urusan pentadbiran keadilan dan mahkamah merupakan kesatuan yang terdiri daripada rangkaian penyiasatan, pendakwaan dan perbicaraan di hadapan Sultan dan dibantu oleh pembesar yang dilantik. Tidak banyak yang dibincangkan mengenai aspek penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang jenayah Islam secara khusus kecuali pada era modern pasca 1980an, iaitu setelah bahagian penguatkuasaan ditubuhkan secara tersendiri.⁷ Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis evolusi penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Brunei Darussalam, dengan meneliti perubahan institusi, bidang kuasa dan mekanisme penguatkuasaan dari zaman kesultanan tradisional hingga kini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan analisis sejarah dan kajian perundangan. Pendekatan ini dipilih kerana skop kajian merangkumi eksplorasi tempoh sejarah yang panjang serta melibatkan pelbagai struktur perundangan, institusi kehakiman dan mekanisme penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Brunei Darussalam.

Dari sudut analisis sejarah, kajian ini meneliti sumber-sumber sekunder berbentuk artikel, manuskrip sejarah, laporan kolonial, laman web, kertaskerja sejarah dan statut. Antara sumber penting yang dianalisis ialah Hukum Kanun Brunei (DBP), Perjanjian Brunei-British dan folio 71-86 *Boxer Codex* (BC) versi Bahasa Inggeris yang diterjemahkan oleh John S. Carroll pada tahun 1982. BC segmen Brunei ini memberikan gambaran terperinci mengenai sistem pentadbiran, kehakiman dan penguatkuasaan undang-undang pada abad ke-16. Analisis sejarah ini bertujuan mengeksplorasi amalan penguatkuasaan jenayah Islam pada era kesultanan serta mengenal pasti bentuk campur tangan kolonial terhadap sistem perundangan tempatan.

Dari perspektif perundangan, kajian ini menggunakan kaedah analisis doktrinal dengan meneliti peruntukan undang-undang dan enakmen yang berkuat kuasa pada pelbagai fasa sejarah, termasuk *Muhammadan Law Enactment 1912*, Undang-Undang Majlis Mashuarat Ugama, Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah-Mahkamah Kathi 1955, serta perundangan syariah selepas kemerdekaan sehingga tahun 2018. Analisis ini memfokuskan kepada perubahan bidang kuasa, jenis kesalahan, bentuk hukuman, dan struktur institusi penguatkuasaan serta kehakiman. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif melalui kaedah analisis kandungan dan perbandingan sejarah, dengan tujuan mengenal pasti pola kesinambungan dan perubahan dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam. Pendekatan ini membolehkan kajian menilai secara kritis bagaimana faktor politik,


⁵ Siti Zubaidah Ismail & Norasiah Haji Amai, “Dari Keadilan Raja kepada Undang-Undang Agama: Perkembangan Semasa Islam di Brunei.” *Jurnal al-Tamaddun*, 18, no. 1(2023), 29-44

⁶ Farahaina binti Anchong, “Aspek Keadilan Dalam Sistem Pemerintahan Kesultanan Melayu Tradisional”, *Jurnal Darussalam*, 23 (2023):48-74.

⁷ Siti Zubaidah Ismail, “At the Foot of the Sultan: The Dynamic Application of Shariah in Malaysia”, *EJIMEL*. vol.3 (2015), 69-81.

kolonialisme dan pembinaan negara mempengaruhi kedudukan dan pelaksanaan undang-undang jenayah Islam dalam sistem perundangan Brunei Darussalam. Temubual turut dilakukan bersama Haji Sawas Haji Jebat, salah seorang merinyu hal ehwal agama paling awal dilantik di Brunei pada tahun 1960an.

Rajah 1: Mukasurat pertama Folio 73 Boxer Codex yang merujuk kepada Brunei



Sumber: J.S Carroll (1982)

Boxer Codex dan Catatan Pentadbiran Keadilan Brunei Kurun ke-16

Catatan sejarah pemerintahan beraja dan pentadbiran keadilan di Brunei pada kurun ke-16 banyak terkandung di dalam *Boxer Codex*. *Boxer Codex* (BC) adalah kompilasi sejarah yang ditulis dalam bahasa Sepanyol pada akhir kurun ke-16 di Filipina, koloni Sepanyol pada ketika itu. Manuskrip *Codex* ini dibeli oleh Charles Ralph Boxer (1904-2000), seorang profesor di King's College, Universiti London pada tahun 1947 yang kemudiannya dinamakan sebagai

*Dari Patih ke Penguatkuasa Agama: Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Islam di Brunei Darussalam Boxer Codex.*⁸ Tentang autoriti *Boxer Codex* ini, John S. Carroll yang menterjemah ke Bahasa Inggeris segmen bahagian *La Ysla de Bornei* (Island of Borneo) menegaskan bahawa: “*to my knowledge, no other extant document tells so much about Berunai in the late sixteenth century.*”⁹ Dalam konteks ini, Sultan-sultan yang memerintah pada abad ke-16 adalah:

- i. Sultan Bolkiah (1485-1524)
- ii. Sultan Abdul Kahar (1524-1530)
- iii. Sultan Saiful Rijal (1533-1581)
- iv. Sultan Shah Brunei (1581-1582)
- v. Sultan Muhammad Hasan (1582-1598)
- vi. Sultan Abdul Jalilul Akbar (1598-1659)

Pengarang manuskrip *Codex* ini dipercayai bernama Gomez Perez Dasmarinas, Gabenor Filipina (1590-1593) atau anaknya Luis. *Codex* ini diterbitkan pada tahun 1590. Pada segmen Brunei, muncul tarikh sekitar tahun 1588 dan 1589, bererti ianya ditulis semasa era pemerintahan Sultan Muhammad Hassan (1582-1598) yang ketika itu telahpun melaksanakan Hukum Kanun Brunei (HKB) yang telah wujud sejak abad ke-15.¹⁰

Berdasarkan penulisan dalam *Codex* dan terjemahan oleh Boxer ini, dalam konteks pentadbiran keadilan, pemerintahan Kesultanan Brunei pada kurun ke-16 sudahpun mempunyai satu badan kerajaan atau pegawai negeri di bawah kawalan empat pembesar negara iaitu Bendahara, Temenggong, Di-Gadong dan Shahbandar:

*To administer justice, the king of Bornei has four judges in the manner of an audiencia [council], whose names in judging are the following: bandahara [Malay bendahara = prime minister], tamangon [w.f temenggong], panguilan degaron [Malay pengiran di-gedong], and sabandar [Malay shahbandar = port master]*¹¹

Terjemahan: Untuk mentadbir keadilan, raja Bornei (Brunei) mempunyai empat hakim dalam satu majlis, yang nama mereka dalam penghakiman adalah seperti berikut: bandahara (bendahara), tamangon (temenggong), penguilan degaron (pengiran digedong) dan sabandar (shahbandar).

Naratif ini didapati selari dengan peruntukan yang terdapat di dalam HKB dengan sedikit perbezaan pada nama gelaran. Ini bererti HKB sudah pun wujud ketika BC ditulis. Fasal yang terkandung di dalam HKB seperti perkara di atas adalah seperti berikut:

Fasal yang kesembilan pada menyatakan yang dapat membunuh ada empat martabat. Suatu Bendahara pada waktu tiada beraja atau dalam sungai sendiri harus membunuh dengan tiada titah raja. Kedua Temenggong pada waktu ia menangkap orang, itu pun tiadalah dalam menanti titah lagi. Ketiga Syahbandar tatkala dikawal barang siapa tiada menurut katanya pada waktu membawa dan kawal, itu pun tiadalah lagi dengan titah. Keempat Nakhoda tatkala di laut membunuh dengan

⁸ Jeffrey Scott Turley dan George Bryan Souza, *The Boxer Codex: Transcription and Translation of an Illustrated Late Sixteenth-Century Spanish Manuscript Concerning the Geography, History and Ethnography of the Pacific, South-East and East Asia*. (Brill, 2015).

⁹ John S. Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”. *JMBRAS*, 55, no. 2 (1982):1-25.

¹⁰ Tarikh tepat penulisan Hukum Kanun Brunei masih diperdebatkan oleh para sarjana. Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi, dan Eizah Mat Hussain, “Pusat Sejarah Brunei: Beberapa Aspek Perbincangan tentang Koleksi Manuskrip Melayu-Islam”, *Journal of Al-Tamaddun*, 18, no.2 (2023), 189–204. Lihat juga Yura Halim dan Jamil Umar, *Sejarah Brunei* (Percetakan Brunei, 1958), 46-50; Haji Metuddin bin Haji Baki, *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam*. (Jabatan Kehakiman Negara, 2005). 27-32.

¹¹ Carroll, “Berunai in the Boxer Codex”, 6

tiada titah kerana ia raja pada masa di laut itu. Adapun apabila datang ia ke negeri dihukumkan ia, jikalau dibunuhnya tiada dengan dosanya hukunya mati dendanya itu, sepenuhnya denda itu iaitu sekati lima. Itu pun hukum laut atasnya nakhoda maka tiada membunuh melainkan ia mengambil isteri /16/ orang atau gundik orang harus ia dibunuh nakhoda itu.¹²

Mereka berempat mempunyai tugas dan skop bidang kuasa masing-masing sebagai hakim dan sebagai penguatkuasa undang-undang di laut, di sungai (merujuk kepada daerah pemerintahan) dan di darat. Sebagai wazir dan pembesar diraja, mereka diberi tanggungjawab untuk menjaga keamanan rakyat, mempertahankan negara serta menghukum pesalah.¹³ Di antara keempat-empat orang besar berkenaan, Temenggong merupakan ketua keamanan, keselamatan dan penguatkuasa di darat dan di laut yang paling utama. Temenggong memainkan peranan dalam melaksanakan undang-undang seperti yang diperintahkan oleh Sultan dan berkuasa menangkap orang yang melakukan kesalahan dan seterusnya menjatuhkan hukuman. Dari segi sistem keadilan jenayah, pembesar negara mempunyai kuasa kehakiman dan eksekutif selaku Hakim Diraja yang mempunyai bidang kuasa penuh membicarakan pesalah dan boleh mengenakan hukuman termasuk hukuman mati.¹⁴ Ini dapat kita saksikan apabila Hakim Diraja menjalankan tugas kehakiman, mereka dibantu oleh *bailif* (pegawai-pegawai khas) yang dikenali sebagai *patih* dengan diiringi oleh polis. *Boxer Codex* menyebutkan:

*These judges assist always in the city where the king is and when some captain goes to some settlements of the Uisayas subject to the king to collect tribute he carries licence from the governor to try the lawsuits which he might have. These judges have many bailiffs. In their language they call patis (Malay Patih). They customarily bring no vara (Spanish vara = baton of authority) or insignia. These arrest the delinquents and customarily bring people like policemen with them.*¹⁵

Terjemahan: Para hakim ini sentiasa memberi bantuan di kota tempat raja berada, dan apabila seseorang kapten pergi ke beberapa penempatan kaum Uisayas yang berada di bawah kekuasaan raja untuk memungut ufti, dia membawa kebenaran daripada gabenor untuk mengadili sebarang kes yang mungkin timbul. Para hakim ini mempunyai ramai bailif. Dalam bahasa mereka, mereka memanggilnya *patis* (dalam bahasa Melayu: *patih*). Mereka lazimnya tidak membawa *vara* (tongkat kuasa dalam bahasa Sepanyol) atau sebarang lambang kebesaran. Mereka ini menangkap para pesalah dan biasanya membawa bersama mereka orang seperti polis.

BC menggunakan istilah yang merujuk kepada dua kategori orang iaitu Patih dan *orang-orang seperti polis (...patihpeople like policeman...)*. Ini adalah pegawai penguatkuasa undang-undang pada masa itu, di mana mereka mempunyai kuasa menahan pesalah-pesalah (*delinquents*). Kenyataan ini adalah konsisten jika dihubungkan dengan pemakaian nama-nama gelaran pembesar Brunei yang masih digunakan pada masa kini iaitu gelaran *Pateh* dalam senarai susunan *Manteri-Manteri Darat/Pedalaman* yang terdiri dari *Mudim, Panglima, Perwira, Hulubalang, Pahlawan, Pateh, Damong, Janang, Malek dan Pengarah*.¹⁶

¹² Haji Asri bin Haji Putih, *Hukum Kanun*, (DBP,2003),7

¹³ Mohammad Amin bin Hassan, "Boxer Codex: Rakaman Sejarah Brunei Di Akhir Abad Ke-XVI" *Jurnal Darussalam*, 5 (2004): 93

¹⁴ Fasal 9 Hukum Kanun memperuntukkan bidang kuasa menjatuhkan hukuman bunuh dibahagikan kepada empat martabat. Haji Asri Haji Putih, *Hukum Kanun*, 7

¹⁵ Carroll, "Berunai in the Boxer Codex",6; Ceaser Adib Majul, *Muslim in the Philippines*, (St Mary Publishing House, 1978), 93.

¹⁶ Haji Hashim bin Haji Abd Hamid, "Sistem Pentadbiran Tradisi Brunei: Satu Analisis Awal" dalam *Masa Silam Sarana Masa Depan: Kumpulan Kertas kerja Seminar Sejarah Brunei II*, (Pusat Sejarah Brunei:1999),151; Rashidah bte Mohd Hanifah, *Adat Istiadat Kebesaran Brunei: Pengurniaan Gelaran Menurut*

Berdasarkan senarai gelaran itu, pemakaian perkataan *pateh* merujuk kepada seorang yang mempunyai kedudukan yang tinggi dalam sebuah masyarakat. Begitu juga penggunaan *patih* di dalam BC juga merujuk kepada pegawai yang paling kanan dalam agensi penguatkuasaan kerana tidak mungkin orang biasa diiringi oleh sekumpulan orang jika tidak mempunyai kedudukan yang paling tinggi dalam sebuah agensi. Penggunaan perkataan 'polis' juga menguatkan lagi kenyataan ini, di mana *patih* itu merupakan seorang yang berpangkat paling tinggi dalam susunan hierarki penguatkuasa. Pada pendapat penulis, perkataan *patih* berdasarkan istilah moden hari ini dikenali sebagai Ketua Penguatkuasa atau Pesuruhjaya Polis.

Prosedur penguatkuasaan jenayah pada masa itu juga nampak ringkas dan mudah di mana jika terdapat sesuatu kesalahan dilakukan, suspek akan ditangkap oleh *patih* dan terus dibawa ke hadapan hakim untuk dibicarakan. Siasatan akan dibuat di dalam perbicaraan kemudian penghakiman akan diberikan serta merta secara lisan. Kes-kes yang dihadapkan jarang berlanjutan ke hari lain. Jika salah satu pihak tidak hadir, kes akan ditangguh ke hari lain manakala orang yang disyakki (suspek) akan ditahan reman di rumah mereka sendiri oleh *patih* kerana pada ketika itu belum ada penjara di Brunei. Catatan dalam BC menyebutkan:

The Kingdom of Borne has no gaol and few clerks for the things of which the judges know, and thus (only) by a marvel the lawsuit lasts longer than the first hearing when it appears before the judge. And in case of the parties is absent, it is delayed to the second hearing that when (hearing are) many is (on) another day. The said bailiffs take charge of guarding them in their house; and they (having) arrived in front of the judge before whom it is being investigated, an oral sentence concludes it and not written, and thus there is no lawsuit that takes two days.¹⁷

Terjemahan: Kerajaan Borneo tidak mempunyai penjara dan hanya sedikit kerani bagi urusan yang berada dalam pengetahuan para hakim; justeru, sesuatu yang luar biasa jika sesuatu kes berlanjutan melebihi perbicaraan pertama apabila ia dibawa ke hadapan hakim. Sekiranya salah satu pihak tidak hadir, kes itu ditangguhkan ke perbicaraan kedua, dan apabila terdapat banyak kes, ia akan ditetapkan pada hari yang lain. Para bailif tersebut bertanggungjawab mengawasi mereka di rumah masing-masing; dan apabila mereka dibawa ke hadapan hakim yang mengadili kes tersebut, keputusan diberikan secara lisan dan bukannya bertulis, maka tiada kes yang berlanjutan hingga dua hari.

Laporan di dalam BC itu dapat menjelaskan kewujudan kaedah pengendalian kes jenayah pada kurun ke 16. Laporan BC itu juga memberi gambaran tentang kewujudan dua institusi keadilan jenayah iaitu penguatkuasaan dan kehakiman. Ini menunjukkan keduanya mempunyai peranan dan bidangkuasa masing-masing dalam mengadili isu-isu jenayah yang timbul pada masa itu. Berdasarkan laporan di dalam BC, dinyatakan beberapa hukuman kesalahan jenayah syariah seperti pencuri akan dipotong tangan kanannya dan hukuman yang dikenakan kepada seorang lelaki apabila didapati bersekedudukan dengan isteri orang. Kesalahan-kesalahan ini adalah yang terdapat dalam HKB. Ini jelas menunjukkan bahawa apa yang dicatatkan di dalam BC ini menjadi bukti tentang kewujudan hukuman Islam dan pelaksanaan peruntukan yang terdapat dalam HKB. Pada masa penulisan BC itu (1590-1593) adalah pada zaman pemerintahan Sultan Hassan (1582-1598) yang telah memperkukuhkan penguatkuasaan Hukum Kanun Brunei.

Pada ketika itu, pengaruh adat begitu kuat sehingga jawatan Hakim Diraja yang dipegang oleh wazir-wazir (terdiri dari kerabat Diraja) mempunyai keistimewaan yang tersendiri termasuk

Perspektif Islam. Tesis Sarjana Sastera UKM Bangi (1998), 147-151, *Senarai Nama-Nama Gelaran Dan Orang-Orang Yang Dikurniakan Gelaran*, (Jabatan Adat Istiadat Negara, 2004), 25

¹⁷ Carroll, "Berunai in the Boxer Codex", 6-7

kuasa untuk memberi pengampunan daripada penghakiman yang dibuat oleh Menteri Agama (*Pehin Khatib*).¹⁸ Walaubagaimanapun, peranan ahli agama¹⁹ mempunyai pengaruh yang kuat di dalam sistem keadilan jenayah di Brunei kerana secara tradisinya mereka dilantik menjadi pengapit Hakim Diraja yang boleh menasihati mereka berkenaan dengan Hukum Syarak.²⁰

Berdasarkan penjelasan tentang penguatkuasaan yang dijalankan dan sistem keadilan jenayah di atas, dapatlah diambil kesimpulan bahawa pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam telah dikuatkuasakan dengan wujudnya pihak penguatkuasa dan mahkamah keadilan jenayah berpandukan kepada undang-undang Islam dan adat tempatan. Kenyataan ini disokong lagi dengan wujudnya kes-kes jenayah yang pernah diadili pada zaman Kesultanan Brunei (sebelum kedatangan Inggeris). Ini secara logiknya mengukuhkan lagi fakta tentang kewujudan pihak penguatkuasa yang bertanggungjawab membuat tangkapan untuk dihadapkan ke muka pengadilan. Beberapa contoh kes pelaksanaan hukuman jenayah yang di laporkan pada zaman pemerintahan Sultan-Sultan Brunei dalam sistem kehakiman tradisi seperti berikut:

a. Kesalahan sumbang mahram melibatkan seorang wanita bernama Raja Ayang. Peristiwa ini berlaku pada masa pemerintahan Sultan Sulaiman memerintah dalam tahun 1452. Kesalahan yang dilakukan ini melibatkan pasangan adik beradik keluarga diraja. Oleh kerana perbuatan tersebut adalah menyalahi dari segi Hukum Syarak maka Sultan Sulaiman memerintahkan supaya pasangan ini dihukum bunuh. Bagaimanapun, bentuk pelaksanaan hukuman itu dilakukan secara adat di mana kedua-duanya disediakan sebuah rumah di dalam tanah yang merupakan seakan busut. Di dalamnya mengandungi bilik untuk tempat tinggal. Mereka juga turut dibekalkan dengan makanan yang diperlukan termasuk alat memasak. Mereka berdua tinggal di tempat itu sehingga menghembuskan nafas yang terakhir. Selama seminggu (sesetengah riwayat mengatakan 40 hari), asap masih kelihatan keluar dari dalam tanah itu, tetapi selepas itu tiada lagi sebarang tanda yang menunjukkan mereka masih hidup. Kesan daripada peristiwa ini masih boleh ditatapi di sebuah perkuburan di tengah Bandar Seri Begawan yang dikenali sebagai Kubur Raja Ayang. Catatan yang tertulis di batu nisan kubur berkenaan ditulis di dalam bahasa Arab, terjemahan tulisan itu berbunyi:²¹

Perbuatan yang dicontohkan seperti itu sudah memadai dan inilah badan orangnya, Insya-Allah mereka di dalam aman. Dengannya itu lebih baik dari kejahatan dan sebahagian nikmat dunia yang didahagakan, Ya Allah berilah rahmat sesudah ketelanjuran perempuan (pulanah) ini.²²

b. Kesalahan mencuri: *Spenser St. John*, Seorang Konsul Inggeris di Brunei pada tahun 1856 telah melihat sendiri hukuman potong tangan dijalankan ke atas dua orang pencuri di Brunei. Perkara yang serupa juga diceritakan oleh *Kapten William H. Treacher*, Pemangku Gabenor Tanah Jajahan Inggeris di Labuan dan Gabenor Inggeris di Borneo Utara pada tahun 1880. Dalam laporan *Kapten William H. Treacher* mengatakan bahawa kapalnya yang singgah di Brunei telah dinaiki oleh pencuri, seutas jam tangan emas dan selaras senapang telah hilang, dan perkara ini telah disebarkan kepada Sultan yang memerintah ketika itu iaitu Sultan Abdul

¹⁸ Haji Karim Haji Abd Rahman, *Sejarah Perkembangan Kehakiman dan Mahkamah Syariah di Brunei*, “*Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam*”, (Jabatan Kehakiman Negara, 2005), 88

¹⁹ Menurut adat istiadat Brunei terdapat ahli-ahli ugama yang alim dalam Hukum Syarak digelar sebagai *Pehin Khatib*, *Pehin Siraja Khatib* dan *Pehin Udana Khatib* dan *Begawan Pehin Khatib*.

²⁰ Sistem pengapit hakim yang melibatkan ahli-ahli agama ini kekal sehingga dimansuhkan pemakaiannya pada peringkat awal pentadbiran Residen British selepas pengenalan sistem Residen di Brunei pada tahun 1906.

²¹ Awg Mohd Jamil Al-Sufri (Dr Hj), “Catatan Sejarah Penghakiman di Brunei Pada Zaman Dahulu” dalam *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam*, (Jabatan Kehakiman Negara, 2005), 95-96, juga “*Makam Raja Ayang Bukti Keutuhan Pemerintahan Kesultanan*” <http://www.pelitaibrunei.gov.bn/news/pelita/07okt09/berita06.htm>, 22 April 2010

²² Awg Mohd Jamil Al-Sufri, “*Catatan Sejarah Penghakiman*”, 96

Dari Patih ke Penguatkuasa Agama: Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Islam di Brunei Darussalam Momin (1852-1885). Beberapa hari kemudian barang-barang curian itu dikembalikan dan tiga orang yang terlibat dalam kes tersebut telah dipotong tangan mereka.²³

c. Kesalahan merompak: *Spenser St John* (1856) juga pernah melihat pelaksanaan hukuman mati dijalankan ke atas salah seorang penjenayah di Brunei bernama Maidin kerana telah disabit melakukan rompakan, rampasan dan pembunuhan ke atas beberapa orang peniaga yang berulang alik antara Brunei dan Labuan. Dia telah bermaharajalela selama dua tahun sebelum ditangkap dan dijatuhi hukuman gantung.²⁴

d. Kesalahan yang dilakukan oleh orang bukan Islam: dalam laporan *Spenser St John* pada tahun 1859²⁵ ada menyebut tentang budak Cina yang telah dituduh merompak harta orang tuanya. Kes ini dibawa ke hadapan Kathi (Ketua Agama) untuk diselesaikan. Walaupun kes ini melibatkan dua orang yang bukan beragama Islam, tetapi pengadilan tetap dilakukan oleh Kathi.²⁶

Nyatalah di sini, kes-kes jenayah yang dilaporkan itu tidak akan terlaksana tanpa wujudnya pegawai penguatkuasa pada zaman itu sebagaimana yang dilaporkan di dalam BC. Peranan yang dimainkan oleh Sultan, Hakim DiRaja dan ahli agama menjadi faktor kejayaan pelaksanaan satu sistem undang-undang yang unggul di Brunei dalam tempoh melebihi 300 tahun itu. Ketenteraman dalam negara yang mempengaruhi kegemilangan pelaksanaan hukum Islam ini berterusan sehinggalah berlakunya masalah dalaman yang membawa kepada campurtangan Inggeris dalam pentadbiran negara.

Zaman Pentadbiran Residen Inggeris (1906-1955)

Zaman ini merupakan zaman di mana undang-undang Islam dipinggirkan. HKB yang telah dilaksanakan selama hampir 300 tahun dan masih dilaksanakan sepanjang pemerintahan Sultan Abdul Momin (1852-1885) dan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885-1906) akhirnya diketepikan. Penerapan pengaruh Inggeris di dalam sistem keadilan di Brunei pada era Residen Inggeris telah mengubah sistem perundangan yang berteraskan Islam, *Kanun* dan adat resam. Inggeris bukan hanya meminda atau menyesuaikan sistem undang-undang sedia ada, malah menjadikan HKB itu sebagai manuskrip sejarah semata-mata. HKB sama sekali tidak dirujuk untuk mengendalikan kes-kes jenayah. Sebagai ganti, Inggeris memperkenalkan undang-undang Inggeris dan mengecilkan skop undang-undang Islam menerusi *Muhammadan Law Enactment 1912*. Mahkamah Kadi ditubuhkan pada tahun 1908 menggunakan undang-undang yang baru yang memperuntukkan hukum-hukum yang terhad dan amat berbeza daripada HKB. Kathi-kathi juga dikatakan tidak terbiasa dengan isikandungan *Muhammadan Law Enactment 1912*.

Campurtangan British dalam Perundangan dan Sistem Keadilan Jenayah

Campurtangan British bermula apabila termeterainya dua perjanjian pada tahun 1856 dan 1888.²⁷ Perjanjian-perjanjian ini adalah titik permulaan British mula mencampuri sistem

²³ W.H Treacher. "British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo" (Singapore:1891); Mahmud Saedon Othman, *Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam*, (Dewan Bahasa Dan Pustaka,1996),25

²⁴ Mahmud Saedon Othman, *Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam*, 41

²⁵ Spenser St. John, *Life in the Forest of the Far East, Travels in Sabah and Sarawak in the 1860*, (Oxford University Press, 1986): 250-251

²⁶ Haji Karim Haji Abdul Rahman, *Sejarah Kehakiman*, 88

²⁷ Mahmud Saedon Othman, *Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang*, 26; William George Maxwell and William Summer Gibson, *Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo*, (Jas Truscott and Son Ltd,1925),148-149

perundangan dan keadilan di Brunei.²⁸ Sarjana seperti Mahmud Saedon Othman dan Mohammad Amin Hassan mengatakan bahawa campurtangan British ini melahirkan rasa kurang senang dalam kalangan pembesar Melayu tempatan kerana pada masa itu, Brunei merupakan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, sewajarnya undang-undangnya dipatuhi dan dihormati. Namun, British telah membuat pelbagai tindakan dan helah untuk campurtangan dalam perundangan dan pentadbiran kehakiman di Brunei. Akibat termeterainya perjanjian 1888 ini, dua isu yang dianggap sebagai mencampuri hal ehwal dalam negeri kerajaan Brunei telah berlaku. Pertama ialah isu pengambilan Limbang oleh *Rajah Brooke* di Sarawak yang ditandatangani oleh British pada tahun 1891 walaupun dibantah oleh Sultan, dan kedua, British dijadikan sebagai pemutus pelantikan pengganti Sultan.²⁹

British melebarkan lagi kuasanya apabila termeterai perjanjian pada tahun 1888 di mana mereka diberi kuasa penuh mentadbir urusan perundangan dan kehakiman rakyatnya di Brunei. Menurut Mahmud Saedon, sejak tahun 1856 lagi, British diberi kuasa untuk mengendalikan kes-kes yang timbul daripada pertikaian di kalangan rakyatnya atau yang terjadi di antara rakyat British dengan rakyat asing di Brunei. Walaupun hakim Inggeris diberi kuasa mengendalikan kes ini, namun ia tidaklah memberi kuasa penuh kerana di masa perbicaraan ia perlu diapit atau disertai oleh hakim kerajaan Brunei. Hukuman yang dikenakan juga berdasarkan hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang tempatan dengan syarat hukuman yang dijatuhkan ke atas rakyat Inggeris hendaklah tidak lebih berat daripada hukuman yang biasa dikenakan dalam undang-undang Inggeris bagi kesalahan yang sama.³⁰ Dengan perjanjian ini Inggeris mempunyai saluran untuk campur tangan dalam pentadbiran dan kehakiman di Brunei. Di antara kandungan Perjanjian Perlindungan 1888³¹ tersebut, artikel VII membuat peruntukan bahawa:

1. Bidangkuasa sivil dan jenayah secara eksklusif kepada Jawatankuasa Kehakiman Inggeris untuk mengendalikan kes rakyatnya, kes rakyat asing dari negara-negara jajahan Inggeris dan rakyat negara lain jika mendapat persetujuan mereka.³²
2. Bidangkuasa untuk menghakimkan kes yang melibatkan rakyat Brunei, jika rakyat Brunei dalam kes tersebut merupakan seorang penuntut atau pendakwa. Tetapi jika dalam sesuatu kes itu, rakyat Brunei adalah orang yang dituntut atau didakwa maka kes itu akan diadili oleh Mahkamah Tempatan.³³

Perjanjian 1888 ini menimbulkan tiga implikasi kepada sistem kehakiman di Brunei, iaitu:

1. mengurangkan kuasa kehakiman yang diterajui oleh hakim tempatan Brunei dalam kes sivil dan jenayah.

²⁸ Mohammad Amin Hasan, Brunei Perjanjian T.M 1888 Brunei-Great Britain dalam "*Brunei Di Tengah-Tengah Nusantara*", 139

²⁹ Mohammad Amin Hasan, *Brunei Perjanjian*, 147; Haji Awg Asbol, "Kesultanan Melayu Brunei 1850-1906: Limbang Jasad Brunei dan Brunei Roh Limbang", *Jurnal Pengajian Melayu*, 14 (2004), 174-201

³⁰ Mahmud Saedon Othman, *Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam*, 26. Kenyataan beliau ini berbanding kepada laporan yang dibuat oleh William George Maxwell and William Summer Gibson, 1925, *Treaties and Engagements*, 148-149

³¹ *Protection Agreement Between Brunei and Great Britain, dated 17 September 1888* (Rujukan: PS/A/SP/18/90) di Galeri Pusat Sejarah Brunei. Perjanjian ditandatangani oleh Residen Perak, Sir Hugh Low bagi pihak Ratu England, Queen Victoria (1837-1901) dan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885-1906). Lihat juga Dr Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, "Sejarah Hubungan Kesultanan Brunei Dengan Kesultanan Melayu Perak Darul Ridzuan: Era Kolonialisme British", *Jurnal Darussalam*, 23 (2023):34

³² Mahmud Saedon Othman, *Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam*, 27, Maxwell & Gibson, *Treaties and Engagements*, 150

³³ Mahmud Saedon Othman, *Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam*, 27, Maxwell & Gibson, *Treaties and Engagements*, 150

2. pengaruh undang-undang Inggeris menerap masuk dalam sistem kehakiman kerana undang-undang dan peraturan yang digunakan oleh hakim Inggeris adalah berdasarkan undang-undang di England
3. terjadi konflik antara undang-undang Inggeris dan undang-undang tempatan (Islam) jika kes rakyat Brunei sebagai plaintif atau pendakwa yang diadili di mahkamah Inggeris.

Persoalan yang mungkin timbul, mengapakah perjanjian itu dimeterai. W.J Peel seorang Residen Inggeris di Brunei (1946-1948) di dalam *Annual Report 1946* ada menyebutkan bahawa Brunei secara rasmi telah menjadi sebuah negeri naungan kerajaan Inggeris setelah termeterai perjanjian pada tahun 1888.³⁴ Perjanjian itu dibuat kerana Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin (1885-1906) merasakan kedudukan dan keselamatan Brunei terancam disebabkan semakin banyak wilayah kerajaan telah jatuh ke tangan kuasa asing iaitu James Brooke di Sarawak dan Syarikat Borneo Utara di Sabah (*British North Borneo Chartered Company*).³⁵ Oleh kerana Perjanjian 1888 itu masih kurang memberi perlindungan kepada Brunei, Perjanjian 1905 telah dimeterai supaya Brunei menerima sistem Residen Inggeris. Semua nasihat Residen itu pula wajib dituruti oleh kerajaan Brunei melainkan perkara yang berhubungan dengan agama Islam.³⁶

Apabila Brunei diletakkan di bawah pentadbiran Residen Inggeris pada tahun 1906, sistem pentadbiran dan perundangan Inggeris telah mula diperkenalkan. Melalui Majlis Negeri (*State Council*) yang ditubuhkan pada tahun 1906, beberapa Akta dan Undang-undang baru telah diperkenalkan sesuai dengan corak pentadbiran Inggeris di Brunei.³⁷ Kesan Perjanjian 1888 dan penerimaan pentadbiran Residen Inggeris 1906 itu mula disedari boleh menggugat undang-undang adat dan kedudukan hukum syarak. Disebabkan itu, kerajaan Brunei mengemukakan beberapa tuntutan pada 2 Julai 1906 kepada Pesuruhjaya Tinggi Inggeris ke Borneo. Antara tuntutan itu ialah:

1. Kathi Brunei dibenarkan duduk bersama Residen untuk mendengar semua kes sebagaimana Perjanjian 1856.
Tuntutan ini bagaimanapun ditolak oleh Malcolm McArthur (Residen Inggeris pertama 1906-1908) dengan alasan Kerajaan British telah berjanji untuk tidak campur tangan dalam hal-ehwal kesalahan-kesalahan agama. Banyak kesalahan-kesalahan yang telah diperuntukkan oleh undang-undang Islam daripada kesalahan membunuh hingga kepada kesalahan gagal menyempurnakan urusan ugama. Beliau mencadangkan hendaklah dinyatakan peruntukan untuk perbicaraan yang bercanggah dengan undang-undang Islam oleh kathi-kathi yang dilantik oleh Sultan. Akan tetapi, kerajaan (Residen) tidak berniat untuk meminta pertolongan hakim-hakim tempatan (Brunei) untuk membicarakan kesalahan-kesalahan tersebut.³⁸

³⁴ Teks Inggeris: "*Brunei-Great Britain Agreement 1888: Title – AGREEMENT between Her Majesty's Government and the Sultan of Brunei for the establishment of a British Protectorate over the State of Brunei.*" Galeri Pusat Sejarah Brunei.

³⁵ Haji Muhammad Abd Latif, *Latar Belakang Islam di Brunei*" *Jurnal Darussalam*, 1 (1992),131; W.J. Peel, "*Annual Report on Brunei for the year 1946*", British Residence Office, (Bandar Brunei 1948), 80-81

³⁶ "*His Highness will receive a British Officers to be styled Resident...The Resident will be the Agent and Representative of His Britannic Majesty's Government under the High Commissioner for the British Protectorate in Borneo and his advice must be taken and acted upon on all questions in Brunei other than those affecting the Mohammedan religion.*" W.J. Peel, *Annual Report on Brunei for The Year 1946*, (British Residence Office, 1948) 82.

³⁷ Mahmud Saedon Othman, *Pelaksanaan*, 28

³⁸ A.V.M. Horton, "British Administration in Brunei 1906-1959", *Modern Asian Studies*, 20,2(1986)358

2. Undang-undang adat dan undang-undang tempatan tidak dirombak, dipinda dan dilanggar selama-lamanya.³⁹ Residen membalas tuntutan ini dengan menyatakan kesemua negara dari masa ke semasa menghapus dan menyemak kembali perundangannya kerana tujuan utamanya ialah mengemaskinikan hukum adat.⁴⁰

Bagaimanapun ekoran daripada tuntutan itu, pada tahun 1908, beberapa akta dan undang-undang baru telah diperkenalkan dan dinamakan *Laws of Brunei*, termasuklah penubuhan sebuah Mahkamah Kathi bersama dengan penubuhan Mahkamah Sivil. Bidang kuasa Mahkamah Kathi telah dihadkan bagi menyelesaikan masalah orang Islam sahaja, sementara Mahkamah Sivil diberi bidang kuasa yang lebih luas dengan tertubuhnya Hakim-Hakim Mahkamah Kelas Pertama, Kedua dan Ketiga.⁴¹ Keadaan Mahkamah Kathi yang terhad dan kegagalan tuntutan tersebut ada disebutkan oleh A.V.M Horton:

*Religious cases, on the other hand, remained the province of kathi (Islamic judge). Muhammadan law was defined rather more narrowly than some leading Malays preferred: in 1906 they presented a petition to the High Commissioner, but it was rejected.*⁴²

Penguatkuasaan Jenayah Islam di Zaman Residen Inggeris (1906-1959)

Brunei menerima Residen Inggeris pada tahun 1906 dan telah memperkenalkan beberapa undang-undang termasuk *Muhammadan Law Enactment* pada tahun 1912 (Enakmen 1912). Dari segi penguatkuasaan kesalahan di bawah *Kanun*, boleh dikatakan hampir tiada sebarang rekod mengenainya kerana Hukum Kanun telah diketepikan dan digantikan dengan Enakmen 1912. Campurtangan Inggeris dalam urusan kesalahan berkaitan ugama Islam, dapat dilihat dari sudut tujuan Enakmen 1912 itu digubal. Pada permulaan Enakmen tersebut menyatakan: “*An Enactment to provide for the punishment of certain offenders by Muhammadans.*”⁴³

Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen 1912 itu tidak lagi mengikut acuan hukum-hukum yang telah dikanunkan di bawah Kanun Brunei. Inggeris telah melampaui bidang kuasanya untuk tidak mencampuri hal ehwal agama Islam dengan mengubahsuai hukuman mengikut perundangan ala British. Sebagai contoh di bawah Fasal 41 Hukum Kanun, hukuman rejam dikenakan kepada penzina muhsin (muhsan), dan sebat bagi yang bukan muhsin (muhsan). Namun di bawah Enakmen 1912, orang yang didapati bersalah melakukan perbuatan sumbang hanya dihukum tidak melebihi satu tahun penjara dan denda sebanyak \$250.00 bagi lelaki dan penjara enam bulan bagi perempuan. Ini bererti, sistem keadilan jenayah secara tradisi tidak mendapat tempat lagi sejak itu. Hanya sebahagian kecil sahaja kesalahan jenayah Islam yang diperuntukkan di bawah Enakmen 1912 dan tidak semua kesalahan di dalamnya dibicarakan di Mahkamah Kathi. Beberapa kesalahan ditetapkan perbicaraan diadakan di Mahkamah Majistret. Md Zain Seruddin menjelaskan terdapat dua-belas kesalahan di bawah Enakmen 1912 yang terbahagi kepada dua kategori iaitu kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Kathi dan di Mahkamah Majistret. Bagi Mahkamah Kathi, diperuntukkan enam kesalahan iaitu:

- i. Bab 3 tidak hadir ke masjid (sembahyang Jumaat),
- ii. Bab 8 memutuskan ikatan perkahwinan,
- iii. Bab 9 menghasut supaya tali pertunangan diputuskan,
- iv. Bab 11 isteri yang tidak taat,
- v. Bab 12 tidak membayar nafkah kepada tanggungan dan

³⁹ Mahmud Saedon Othman, Pelaksanaan, 28

⁴⁰ A.V.M. Horton, “British Administration”, 358; Mahmud Saedon Othman, Pelaksanaan, 28

⁴¹ Horton, “British Administration”, 360

⁴² Horton, British Administration, 364

⁴³ *Muhammadan Laws Enactment No 1, 1912*

vi. Bab 14 tinggal bersekedudukan lelaki dan perempuan tanpa nikah sah.

Enam kesalahan yang dibicarakan di Mahkamah Majistret ialah:

- i. Bab 4 memujuk anak dara dari penjaga
- ii. Bab 5 anak dara yang lari dari penjaga yang sah
- iii. Bab 6 persetubuhan haram dengan isteri orang,
- iv. Bab 7 sumbang mahram,
- v. Bab 10 mengajar ugama tanpa kebenaran dan
- vi. Bab 13 perempuan yang menjadi pelacur.⁴⁴

Md Zain Seruddin menyifatkan peruntukan-peruntukan di bawah Enakmen 1912 ini sebenarnya telah melanggar perjanjian yang termeterai pada tahun 1906 supaya tidak mencampuri urusan berkaitan dengan agama Islam. Apa yang dilakukan oleh Inggeris ini disifatkan sebagai pemansuhan kepada peraturan-peraturan yang terkandung dalam HKB. Terdapat perbezaan yang amat ketara di antara Fasal 41 HKB mengenai hukuman rejam dan sebat bagi orang yang berzina dengan Bab 6 Enakmen 1912 mengenai kesalahan persetubuhan haram yang mengenakan hukuman penjara satu tahun dan denda \$250.00 bagi lelaki dan penjara 6 bulan bagi perempuan.⁴⁵ Pindaan dan pemansuhan sistem keadilan ini dengan jelas merubah sistem yang sedia ada. Peruntukan-peruntukan mengenai hukuman had dan qisas juga tidak lagi menjadi sebahagian bidang kuasa jenayah Islam di Brunei.

Dari segi penguatkuasaan enam kesalahan jenayah yang dikhususkan perbicaraannya kepada Mahkamah Kathi, tidak banyak yang dapat diperkatakan disebabkan beberapa faktor berikut:

1. Pentadbiran agama dan mahkamah keadilan tidak ditadbir dengan sempurna. Bidang kuasa Mahkamah Kathi pada ketika itu amat terhad tanpa sebarang pembantu mahkamah dan prasarana juga tidak disediakan. Status Mahkamah Kathi adalah lebih rendah berbanding Mahkamah Awam. Pada tahun 1913, hanya seorang kathi dilantik iaitu Pehin Siraja Khatib Abdul Razak Bin Hassanudin (1879-1941).⁴⁶ Keadaan Mahkamah Kathi ketika itu bukanlah seperti mahkamah syariah pada hari ini. Ianya hanya dipertanggungjawabkan kepada Kathi sahaja. Tiada sebarang peruntukan diberikan untuk melantik kakitangan mahkamah. Juga tiada dijumpai sebarang bukti yang menunjukkan kewujudan *patih* atau penguatkuasa agama pada era ini sama ada secara formal atau tidak formal. Ternyata bahawa pengurusan penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah tidak dikendalikan dengan baik di zaman Residen Inggeris disebabkan dasar tidak peduli atau tidak campurtangan mengenai hal ehwal agama Islam. Peranan agamawan juga tidak begitu jelas dalam aspek penguatkuasaan kesalahan berkaitan agama. Bidangkuasa institusi kehakiman ketika itu terhad kepada urusan nikah kahwin dan pewarisan sahaja.

2. Tiada sebarang penulisan laporan perbicaraan dan penghakiman Mahkamah Kathi dibuat sama ada oleh jurutulis tempatan atau jurutulis Inggeris mengenai penguatkuasaan kesalahan jenayah menurut Enakmen 1912. Terdapat pelbagai kemungkinan, antaranya, kesalahan jenayah dalam Enakmen 1912 tidak dikuatkuasakan atau memang tiada kes pelanggaran undang-undang kerana masyarakatnya mematuhi undang-undang dan ajaran agama. Laporan kes tidak didapati, atau berkemungkinan juga ada penulisan yang dibuat, tetapi hilang disebabkan catatan *Pehin-Pehin* yang mengendalikan kes itu musnah akibat kebakaran⁴⁷ dan

⁴⁴ Md Zain Serudin, (Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Datu Seri Setia Ustaz Dr), *Brunei Sebuah Negara Islam: Latarbelakang Keislamannya*. (Akademi Pengajian Brunei UBD, 1996), 200

⁴⁵ Md Zain Serudin, *Brunei Sebuah Negara Islam*, 201

⁴⁶ F.W. Douglas, *Annual Report on The State of Brunei for the Year 1913*, (Government Printing Singapore, 1914), 8

⁴⁷ Kemungkinan ini ada benarnya sebagaimana dilaporkan mengenai peristiwa yang menimpa Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hassanuddin (1879-1941) bahawa semasa pendudukan Jepun (1941-1945) telah berlaku satu kebakaran yang menyebabkan kesemua khazanah tulisannya musnah. Simar Angas, *Tokoh-Tokoh Agama Di Brunei Darussalam*, (Jabatan Muzium Brunei, 1992), 15-19.

peperangan.⁴⁸ Ini berbeza dengan Mahkamah Awam di mana penguatkuasaan kesalahan jenayah dilaporkan dalam *Annual Report State of Brunei* dengan terperinci dan tersusun dari tahun 1906 hingga 1959.⁴⁹

3. Pasukan polis yang ditubuhkan pada tahun 1906 untuk menguatkuasakan undang-undang, pada awalnya terdiri daripada sekumpulan anggota yang dipinjamkan dari Negeri-Negeri Selat. Mereka hanya terlibat dengan hal ehwal keselamatan dan percukaian serta tidak terlibat dengan urusan Mahkamah Kathi.⁵⁰ Pentadbir Inggeris lebih menitikberatkan sektor pentadbiran awam dan penyusunan pentadbiran kerajaan terutama agensi yang berpotensi menjana pendapatan seperti percukaian tanah dan kastam. Tidak dapat dinafikan langkah Inggeris ini mendatangkan kebaikan, kerana Brunei ketika itu sedang mufli.⁵¹

Zaman Pra Merdeka 1945-1984: Penubuhan Pentadbiran Hal Ehwal Agama dan Pentadbiran Kesalahan Jenayah Syariah

Selepas peperangan Jepun berakhir pada tahun 1945, pentadbiran agama Islam mula menampakkan perubahan. Pada tahun 1948 ditubuhkan Penasihat Ugama Islam (*Mohammedan Religious Advisers*) yang dipengerusikan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin III selaku Pengiran Bendahara semasa zaman Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddien (1924-1950).⁵² Tempoh dari tahun 1955 hingga 1984 dianggap sebagai era moden bagi pentadbiran agama di bawah pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin III (1950-1967). Pentadbiran agama mula tersusun dengan tertubuhnya Jabatan Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat dan Kebajikan pada 1hb Julai 1954. Cadangan mewujudkan jabatan ini adalah hasil daripada perbincangan dalam Majlis Penasihat Ugama Islam Tahun 1948. Undang-Undang Majlis Mashuarat Ugama, Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah-Mahkamah Kathi 1955 (*Religious Councils and Kadis Courts Act, Chapter 77* atau juga dikenali sebagai Enakmen no.20 1955) mula diperkenalkan. Enakmen ini diambil dari Negeri Kelantan dan disesuaikan dengan keadaan di Brunei.⁵³ Undang-undang ini menggantikan *Muhammadian Law Enactment 1912* dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 1956. Pada tahun 1956 juga, Unit Penyiasatan dan Pendakwaan ditubuhkan di bawah Pejabat Kadi Besar, Jabatan Hal Ehwal Ugama. Ketika itu, urusan pendakwaan ditanggung oleh pegawai mahkamah, manakala penyiasatan dilakukan oleh pihak polis. Ketiadaan merinyu agama (penguatkuasa agama) sebelum tahun 1960-an menarik perhatian ahli Majlis Mesyuarat Negeri (MMN). Kebimbangan mereka adalah berkenaan dengan isu penjualan minuman arak. Pada 8 Oktober 1958 Pengiran Shahbandar Hj Mohammed Salleh di dalam MMN telah mencadangkan supaya arak tidak dijual seperti

⁴⁸ Dalam kejadian yang lain yang menimpa Marbut Awang Tunggal Bin Chuchu (1880-1945) ketika pendudukan Jepun hampir berakhir pada tahun 1945, tentera bersekutu yang berusaha menawan kembali Brunei, telah membuat serangan bom berterusan di Pekan Brunei. Serangan-serangan ini banyak memusnahkan bangunan-bangunan dan rumah-rumah di sekitar pekan Brunei. Antara yang musnah ialah Masjid Pekan Brunei dan rumahnya sendiri. Simar Angas, *Tokoh-Tokoh Agama*, 37

⁴⁹ *Annual Report on The State of Brunei* itu boleh didapati di Arkib Negara, Jabatan Muzium-Muzium Brunei. Report ini disediakan oleh Residen Inggeris pada setiap tahun kecuali semasa berlaku peperangan Jepun 1941-1945.

⁵⁰ M.S.H McArthur, *Annual Report on The State of Brunei for the year 1906*, Bandar Brunei: British Resident Office, 1907) 17, <http://www.polis.gov.bn/history.html>. 22/4/2010.

⁵¹ Awang Haji Matassim bin Haji Jibah, *Dokumentasi*, (Pusat Sejarah Brunei, 2004), 182, *Kertas Kerja Seminar Hari Kebangsaan 2004*, "Politik, Pentadbiran Dan Wawasan: Perlaksanaan Dan Hala Tuju", Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, <http://www.bruneiresources.com/speeches/politik.html>, 22 April 2010

⁵² Notification 20/1948 ditandatangani oleh Residen British. Mohammad Abdul Rahman, *Islam di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984)*, (Dewan Bahasa Pustaka, 2011), 173.

⁵³ Md Zain Serudin, *Brunei Sebuah Negara Islam*, 210. Haji Sawas Haji Jebat, "Peranan Pegawai Pendakwa", 160. Undang-undang Kelantan yang dimaksudkan ialah Undang-Undang Majlis Ugama dan Istiadat Melayu dan Mahkamah-Mahkamah Qadhi 1953. Hasnan Ramli dan Baharin Ilias, "Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan: Sejarah Penubuhan, Perundangan dan Organisasi", *Jurnal Alami MAIK*, 2024, 1-26

Dari Patih ke Penguatkuasa Agama: Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Islam di Brunei Darussalam barang-barang keperluan lain. Namun, tiada sebarang tindakan diambil oleh Residen Inggeris ketika itu. Residen kemudian menjemput Pengiran Pemanca dan Pengiran Shahbandar untuk membincangkan masalah tersebut.⁵⁴ Selepas perbincangan itu, surat keliling diedarkan oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam untuk mengiklankan jawatan pendakwa.⁵⁵ Pada akhir tahun 1959, Pesuruhjaya Polis ketika itu K.S. Leston Smith memberi kerjasama bagi melepaskan pegawainya menjadi pendakwa di Mahkamah Kathi.⁵⁶

Pada tahun 1959 juga, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat dan Kebajikan ditukar namanya menjadi Jabatan Hal Ehwal Ugama (JHEU) sementara Adat Istiadat dan Kebajikan masing-masing menjadi dua institusi yang berasingan.⁵⁷ Berikutan dengan ini, satu pindaan Enakmen 1955 pada tahun 1960 untuk memisahkan pentadbiran hal ehwal istiadat dan ugama. Setelah itu pentadbiran harian ditadbir oleh JHEU sementara Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan pada tahun 1955⁵⁸ menjadi sebahagian JHEU yang menyentuh perkara-perkara dasar, undang-undang dan kehakiman.⁵⁹ Di samping itu, pentadbiran menteri-menteri ugama secara tradisi dikekalkan. Mereka ini terdiri daripada *Pehin-Pehin Manteri Ugama* dan *mudim-mudim* (pembesar ugama) menjadi sebahagian dari pegawai-pegawai yang di bawah kuasa pentadbiran JHEU.⁶⁰

Pada Januari 1963, Pejabat Merinyu Ugama telah ditubuhkan. Matlamat utama adalah untuk membanteras kegiatan maksiat dan kesalahan agama seperti yang diperuntukkan di bawah Bab 169-195 Undang-Undang No 20/1955. Pada tahun yang sama, Pejabat Pendakwa Mahkamah Kadi juga ditubuhkan. Tugasnya berkait dengan pendakwaan kes-kes yang dikemukakan oleh Pejabat Merinyu Ugama. Dalam dekad 1960an itu, Kerajaan telah melantik beberapa pegawai pendakwa dan pegawai penyiasat untuk membantu mahkamah dalam kes-kes jenayah ugama.⁶¹ Beberapa jawatan Penguatkuasa agama ketika itu dikenali sebagai Ketua Merinyu Hal Ehwal Ugama (KMHEU), Merinyu Kanan Hal Ehwal Ugama (MKHEU) dan Merinyu Hal Ehwal Ugama (MHEU).⁶² Bahagian Penyiasatan diketuai oleh Ketua Merinyu Ugama. Bahagian Penyiasatan mempunyai dua unit kecil iaitu pendakwaan dan perbicaraan dan tangkapan-tangkapan.⁶³ Mahkamah Kadi pula terletak di bawah Bahagian Kadi, JHEU.⁶⁴ Menurut Tuan Haji Sawas Haji Jebat, tugas-tugas penguatkuasaan dan penangkapan dilakukan pada masa itu adalah berdasarkan aduan orang awam, termasuk pegawai masjid. Tiada rondaan dijalankan⁶⁵ disebabkan kekurangan jumlah merinyu ugama yang hanya beberapa orang sahaja pada awal penubuhannya.⁶⁶ Pegawai-pegawai masjid diberi kuasa membuat aduan mengenai sebarang kesalahan di bawah Undang-Undang Majlis Mashuarat Ugama, Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah-Mahkamah Kathi 1955. Peraturan mengenai kuasa itu

⁵⁴ BRO AP.01/786/58 No 1 sumber didapati dari Arkib Negara Jabatan Muzium Brunei

⁵⁵ SCRWO, 11/1954 Memorandum: Secretary to Religious Council to Secretary to Resident Brunei 18th March 1959

⁵⁶ BPC.1/7 Memorandum: Chief Police Officer to Religious Secretary State Customs & Religious Affairs Department 21st July 1959.

⁵⁷ Yahya Ibrahim, *Sejarah Dan Peranan Institusi-Institusi Melayu Islam Beraja*, (Pusat Dakwah Islamiah, 2000), 13

⁵⁸ Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, (KHEU, 1986), 6

⁵⁹ Yahya Ibrahim, *Sejarah dan Peranan Institusi*, 14

⁶⁰ Yahya Ibrahim, *Sejarah dan Peranan Institusi*, 14

⁶¹ Haji Sawas Haji Jebat, "Peranan Pendakwa", dalam *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Di Negara Brunei Darussalam*, 162

⁶² Haji Sawas Haji Jebat, ms 162, Pegawai-pegawai yang dikenalpasti ialah Allahyarham Dato Seri Laila Jasa Pengiran Haji Abas bin Pg Haji Aliuddin, Allahyarham Abu Bakar bin Chucu, Pg Haji Zainal bin Pg Haji Mohd Yassin, Haji Tamin Bin Haji Tahamit dan Haji Mustafa bin Haji Ahmad

⁶³ Rajah Susunan Pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

⁶⁴ Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, (KHEU, 1986), 8.

⁶⁵ Hj Sawas Hj Jebat, Bekas Ketua Bahagian Pendakwaan dan Penyiasatan JHES . Temubual pada 7/2/2009 (meninggal pada Oktober 2009). Lihat juga Hj Sawas Hj Jebat, *Peranan Pegawai Pendakwa*, 157-172

⁶⁶ Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, (KHEU, 1986), 162

terkandung di bawah Peratoran-Peratoran Majlis Mashuarat Ugama, 'Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah-Mahkamah Kathi (Pegawai Masjid) 1956. Terdapat kesalahan yang berjaya dihadapkan ke Mahkamah Kadi seperti persetubuhan haram, khalwat, minuman yang memabukkan, tidak berpuasa di bulan Ramadan dan tidak bersembahyang Jumaat. Berdasarkan statistik dari tahun 1962 hingga 1967, kesalahan persetubuhan haram menunjukkan jumlah kes yang paling tinggi iaitu sebanyak 184 sementara kes tidak berpuasa di bulan Ramadan menunjukkan kes yang paling sedikit iaitu sebanyak 8 kes.⁶⁷

Jadual 1: Perbicaraan Di Mahkamah Kadi (1962-1967)

No	Perkara	1962	1963	1964	1965	1966	1967	Jumlah
1.	Persetubuhan haram	15	22	17	38	56	36	184
2.	Khalwat	-	5	3	45	14	6	73
3.	Minuman yang memabukkan	4	19	7	28	17	7	82
4.	Tidak bersembahyang Jumaat	3	11	1	6	12	-	33
5.	Tidak berpuasa di bulan Ramadan	-	-	1	7	-	-	8

Sumber: dipetik dari *Ugama Islam Dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959*⁶⁸

Menurut Tuan Haji Sawas lagi, di dalam melakukan tugas, merinyu ugama menghadapi banyak cabaran antaranya melibatkan orang-orang tertentu dan isu-isu perkauman. Bagi mengatasi masalah tersebut, kebijaksanaan dan keberanian perlu ada pada setiap merinyu ugama. Beliau juga menyebut tentang kelemahan-kelemahan merinyu ugama pada ketika itu antaranya kekurangan staf, kemudahan yang tidak mencukupi, dan kurang kemahiran memahami undang-undang prosedur.⁶⁹ Pada tahun 70an beberapa kesalahan telah dihadapkan ke mahkamah seperti persetubuhan haram, berkhalwat, minum minuman yang memabukkan dan makan siang hari dalam bulan puasa.⁷⁰ Di awal tahun 80an keanggotaan Merinyu Ugama seluruh negara bertambah seramai 48 orang yang terdiri dari 2 orang ketua merinyu, 16 merinyu kanan dan 30 merinyu ugama yang ditempatkan di empat daerah.⁷¹

Jadual 2: Jumlah anggota di awal 80an (sebelum Merdeka tahun 1984)

Daerah-Daerah	Ketua Merinyu	Merinyu Kanan	Merinyu Ugama	Jumlah
Brunei Muara	1	10	16	27
Belait	1	3	5	9
Tutong	-	2	5	7
Temburong	-	1	4	5
Jumlah Keseluruhan	2	16	30	48

Sumber: dipetik dari *Kursus Pegawai-Pegawai Bahagian I, II Dan Sebahagian Pegawai-Pegawai Bahagian III*⁷²

⁶⁷ Pg Muhammad Bin Pg Abd Rahman, *Ugama Islam Dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959*, (Institut Pengajian Islam, 1997), 538

⁶⁸ Pg Muhammad Bin Pg Abd Rahman, *Ugama Islam*, 538

⁶⁹ Temu bual dengan Hj Sawas bin Hj Jebat, 7/2/2009.

⁷⁰ Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama 1971, 1974 dan 1976.

⁷¹ Kursus pegawai-pegawai Bahagian I, II dan sebahagian pegawai-pegawai Bahagian III dan IV, ceramah mengenai pendakwaan penyiasatan dan penangkapan oleh Dato Seri Setia Hj Abd Salam B. Abd Razak dan Awang Hj Sawas bin Hj Jebat (temubual bersama Haji Sawas Haji Jebat, 7/2/2009)

⁷² Pg Muhammad Bin Pg Abd Rahman, *Ugama Islam*, 538

Apabila termeterainya Perlembagaan 1959, berakhirlah perjanjian pentadbiran kerajaan yang dikendalikan oleh Residen Inggeris (1906-1959). Pembentukan Perlembagaan 1959 adalah langkah permulaan Brunei membentuk era kemerdekaan rasmi pada tahun 1984. Pentadbiran hal ehwal agama termasuk pengurusan mahkamah syariah, penguatkuasaan dan pendakwaan kesalahan agama semakin tersusun dengan penaiktarafan Jabatan Hal Ehwal Ugama (JHEU) menjadi sebuah Kementerian di bawah kerajaan Baginda KDYMM pada 21 Oktober 1986.⁷³ Dalam struktur 1986 itu, penguatkuasa agama diletakkan di Bahagian Penyiasatan, manakala Pendakwaan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.⁷⁴ Keduanya menjadi sebahagian dari Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Pada tahun 1992, Bahagian Pendakwaan telah menubuhkan Jawatankuasa Penelitian Kes-kes Jenayah Mahkamah-Mahkamah Syariah yang terdiri daripada Ketua Pendakwa Syarie dan beberapa Pegawai Pendakwa. Matlamat penubuhan jawatankuasa ini ialah untuk meneliti dan membincangkan satu-satu kes jenayah sama ada untuk didakwa atau tidak. Pendekatan ini merupakan satu langkah berhemah agar keputusan pendakwaan dibuat secara kolektif. Terdapat kemajuan-kemajuan positif ke arah membangunkan dan memartabatkan perundangan Islam selepas Merdeka. Antaranya penubuhan jawatankuasa penyelarasan undang-undang. Pada tahun 1995 ditubuhkan Jawatankuasa Penggubal Undang-Undang Keluarga yang bertujuan menggubal undang-undang untuk Mahkamah Syariah termasuk Akta Mahkamah Syariah Penggal 184. Dengan berkuatkuasanya Akta Mahkamah Syariah Penggal 184, jawatan Merinyu Hal Ehwal Ugama ditukar kepada Penguatkuasa Agama. Dari segi pentadbiran, Bahagian Penyiasatan dan Pendakwaan⁷⁵ menjadi Bahagian Penguatkuasa Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah.⁷⁶ Pada masa kini, Bahagian Penguatkuasaan Agama menubuhkan empat unit iaitu Unit Siasatan, Unit Pelaksanaan, Unit Pemantauan dan Unit Kawalan Aqidah dan Penyelidikan. Jumlah keseluruhan penguatkuasa agama kini setakat April 2026 adalah seramai 99 orang. Fungsi Bahagian ini diperluaskan bukan sekadar melaksanakan penguatkuasaan undang-undang-undang menurut bidang kuasa yang diperuntukkan sahaja. Bahagian Penguatkuasaan juga berperanan untuk mengurangkan kadar jenayah syariah, memelihara kesejahteraan masyarakat dan mengawal umat Islam dari terpengaruh dengan ajaran sesat. Tugas mereka merangkumi penyiasatan terhadap kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 dan ajaran-ajaran sesat yang difatwakan.

Pada 26 Mac 2001, jawatan Pendakwa Syarie diwujudkan bagi menggantikan jawatan Pendakwa Mahkamah Kadi. Pada tahun 2016, Bahagian Pendakwaan Syarie telah mengalami perubahan struktur pentadbiran dan diletakkan di bawah Unit Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei.⁷⁷ Pengasingan kuasa pendakwaan dari penguatkuasaan dan diletakkan di bawah KHEU adalah suatu pemerkasaan kedudukan pendakwa syarie. Kini terdapat 20 orang pendakwa syarie di seluruh Brunei.

Kesimpulan

Sumber-sumber seperti *Boxer Codex* dan lain-lain, menunjukkan dengan jelas pemakaian Hukum Kanun, Hukum Syarak dan adat sebagai sumber utama undang-undang tempatan pada zaman Kesultanan Brunei sejak abad ke 16 lagi. Penguatkuasaan undang-undang jenayah

⁷³ Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, (KHEU,1986), 9

⁷⁴ Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, (KHEU,1986), 15

⁷⁵ Laporan Tahunan KHEU 1999-2000

⁷⁶ Laporan Tahunan KHEU 2001-2002,59

⁷⁷ Laman web KHEU www.mora.gov.bn. Manual Prosedur Kerja Bahagian Pendakwaan, Unit Perundangan Islam 2006

Islam pada zaman ini diterajui oleh Sultan, *wazir-wazir* dan *Cheteria-cheteria* dibantu oleh ahli-ahli agama. Penguatkuasaan juga terlaksana dengan adanya sistem *patih* yang menjaga keselamatan dan kestabilan agama dan adat di Brunei. Keadaan ini berubah apabila Residen Inggeris mentadbir negara bermula pada tahun 1906 hingga 1959.

Dasar tidak campur-tangan Residen Inggeris kepada perkembangan hal ehwal agama termasuk penguatkuasaan undang-undang Islam menyebabkan sistem keadilan jenayah Islam tidak berkembang dengan sebaiknya. Penguatkuasaan sistem keadilan jenayah awam ditugaskan kepada pasukan polis untuk melaksanakan dasar dan penguatkuasaan sesuatu undang-undang. Dasar Inggeris tidak campur tangan atau tidak peduli terhadap kemajuan dan perkembangan hal ehwal agama sebenarnya hanya untuk kepentingan Inggeris. Hakikatnya, ia sudahpun mencampuri urusan polisi dan pentadbiran agama di Brunei dengan menyempitkan kedudukan perundangan Islam di dalam kerangka perundangan Brunei secara am. Begitu juga dalam meluluskan sesuatu perundangan termasuk statut perundangan Islam diluluskan oleh Residen Inggeris. Bermula dari situ, penguatkuasaan jenayah Islam hanya berkisar di kalangan orang Islam sahaja dalam bidang kuasa undang-undang diri, ibadat dan kesalahan kekeluargaan sahaja. Keadaan ini tidak berubah walaupun Residen Inggeris tidak lagi mentadbir negara apabila wujudnya Perlembagaan 1959 yang membawa Brunei ke era kemerdekaan dari naungan kerajaan Inggeris.

Dari segi pentadbiran, agensi penguatkuasaan semakin teratur dengan penubuhan Bahagian Pendakwaan dan Penyiasatan. Dari sudut implikasi semasa, dapatan kajian ini menegaskan bahawa usaha pemerkasaan undang-undang jenayah Islam di Brunei tidak boleh dilihat semata-mata sebagai agenda normatif keagamaan, tetapi perlu difahami dalam kerangka pembinaan institusi, tadbir urus undang-undang dan legitimasi negara. Pengalaman sejarah Brunei menunjukkan bahawa keberkesanan penguatkuasaan bergantung kepada kejelasan bidang kuasa, keselarasan antara institusi penguatkuasaan dan kehakiman, serta sokongan politik yang konsisten daripada pihak berautoriti. Dalam konteks kontemporari, ini menuntut penambahbaikan berterusan terhadap latihan dan profesionalisme penguatkuasa agama, pemantapan prosedur perundangan, serta pengukuhan prinsip keadilan dan kepastian undang-undang. Sebagai pengajaran untuk bergerak ke hadapan, Brunei boleh memanfaatkan pengalaman sejarahnya dengan membangunkan model penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam yang seimbang antara prinsip syariah, keperluan tadbir urus moden dan piawaian keadilan sejagat. Pendekatan ini termasuk memastikan ketelusan proses penguatkuasaan, perlindungan hak asasi tertuduh, dan integrasi undang-undang Islam dalam sistem perundangan negara tanpa menimbulkan pertindihan bidang kuasa. Secara keseluruhannya, sejarah penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam di Brunei memberikan asas kukuh untuk membina hala tuju masa depan yang lebih berwibawa, berkeadilan dan lestari dalam kerangka negara Islam moden.

Penghargaan

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan yang memberi keizinan akses kepada bahan sejarah di Perpustakaan dan di Galeri sepanjang penyelidikan dijalankan oleh penulis utama pada tahun 2025 dan 2026. Bahan kajian juga diperolehi daripada disertasi sarjana penulis kedua yang tidak diterbitkan. Terima kasih juga kepada penilai-penilai atas cadangan penambahbaikan yang diberikan.

Rujukan

Abdul Hamid, Hashim, "Sistem Pentadbiran Tradisi Brunei: Satu Analisis Awal, dalam "Masa Silam Sarana Masa Depan: Kumpulan Kertas kerja Seminar Sejarah Brunei II", Pusat Sejarah Brunei (1999): 151-167.

- Dari Patih ke Penguatkuasa Agama: Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Islam di Brunei Darussalam*
 Abdul Latif, Hj Muhammad Abd Latif. "Latar Belakang Islam di Brunei" *Jurnal Darussalam* 1 (1992): 1-14.
- Anchong, Farahaina binti, "Aspek Keadilan Dalam Sistem Pemerintahan Kesultanan Melayu Tradisional," *Jurnal Darussalam*, 23 (2023):48-74.
- Angas, Simar. *Tokoh-Tokoh Agama Di Brunei Darussalam*, Institut Pengajian Islam, 1992.
- Awang Jambol, Dg. Junaidah, Zakaria, Zulayti, Ang Kean Hua, Lindah Roziani Jamru, Zainuddin Baco, "Pentadbiran Wilayah Jajahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara Pada Abad ke-16 Hingga 19" *Jurnal Borneo Akhailogia* 7, no. 1 (2022): 145-161.
- Besar, Salim. "Perkembangan Kehakiman dan Mahkamah Syariah di Brunei Sejak Tahun 1955 Hingga Sekarang" dalam "*Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam*. penyt. Haji Karim Haji Abdul Rahman, Jabatan Kehakiman Negara, 2005.
- BPC.1/7 Memorandum: Chief Police Officer to Religious Secretary State Customs & Religious Affairs Department 21st July 1959.
- BRO AP.01/786/58 No 1. Arkib Negara Jabatan Muzium Brunei.
- Carrol, J.S. "Berunai in the Boxer Codex (with Commentary)" *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 55, no. 2 (1982):1-25.
- Datu Derma Wijaya Haji Tamit, Datin Dr. Hajah Sa'adiah, "Sejarah Perkembangan Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam," *Jurnal Darussalam*, 6 (2006):101-121.
- Douglas, F.W. *Annual Report on The State of Brunei for the Year 1913*. Government Printing Singapore, 1914.
- Haji Abdullah, Haji Hazair. "*Politik, Pentadbiran Dan Wawasan: Perlaksanaan Dan Hala Tuju*" <http://www.bruneiresources.com/speeches/politik.html>. (7/5/2026).
- Haji Gemok, Suhaimi, Penguatkuasaan Kesalahan Jenayah Islam di Brunei Darussalam, Tesis Sarjana Syariah Universiti Malaya, 2010.
- Haji Jibah, Awang Haji Matassim. *Dokumentasi: Kertas Kerja Seminar Hari Kebangsaan 2004*, Pusat Sejarah Brunei, 2004.
- Haji Mail, Haji Awang Asbol, "Kesultanan Melayu Brunei 1850-1906: Limbang Jasad Brunei dan Brunei Roh Limbang", *Jurnal Pengajian Melayu*, 14 (2004):174-201.
- Haji Puteh, Haji Asri. *Hukum Kanun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Halim, Yura dan Umar, Jamil. *Sejarah Brunei*. Percetakan Brunei, 1958.
- Hasan, Mohammad Amin Hasan. "Brunei Perjanjian T.M 1888 Brunei-Great Britain" dalam *Brunei di Tengah-Tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei*, Pusat Sejarah Brunei, 1994.
- Hassan, Mohammad Amin, "Boxer Codex: Rakaman Sejarah Brunei di Akhir Abad Ke-XVI". *Jurnal Darussalam* 5 (2004): 93-109.

Haji Abdul Rahman, Haji Karim. "Sejarah Perkembangan Kehakiman dan Mahkamah Syariah di Brunei: Satu Tinjauan Awal Sehingga Tahun 1955" dalam *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Di Negara Brunei Darussalam*. penyt. Haji Karim Haji Abdul Rahman, Jabatan Kehakiman Negara, 2005.

Haji Jebat, Haji Sawas. "Peranan Pendakwa" dalam *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah Di Negara Brunei Darussalam*, penyt. Haji Karim Haji Abdul Rahman, Jabatan Kehakiman Negara, 2005.

Horton, A.V.M. "British Administration in Brunei 1906-1959", *Modern Asian Studies* 20, no.2 (1986): 353-374.

Hughes-Hallet, H.R. A Sketch of the History of Brunei, *JMBRAS*, 18, 2(1940), 23-42

Ibrahim, Yahya. *Sejarah Dan Peranan Institusi-Institusi Melayu Islam Beraja*. Pusat Dakwah Islamiah, 2000.

Ismail Haji Awang Nordin. "Perjanjian 1888: Suatu Harapan dan Kekecewaan" dalam *100 Tahun Hubungan Brunei-British (1906-2006)* penyt. Haji Rosli Haji Ampal & Salina Haji Jaafar, Pusat Sejarah Brunei, 2010.

Ismail, Siti Zubaidah & Norasiah Haji Amai, "Dari Keadilan Raja kepada Undang-Undang Agama: Perkembangan Semasa Islam di Brunei." *Jurnal al-Tamaddun*, 18,1(2023), 29-44.

Ismail, Siti Zubaidah, "At the Foot of the Sultan: The Dynamic Application of Shariah in Malaysia", *EJIMEL* 3 (2015): 69-81.

Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1986

Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1999-2000.

Laporan Tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2001-2002.

Majul, Ceaser Adib. *Muslim in the Philippines*. St Mary Publishing House, 1978.

Maxwell, W. G. and Gibson, W.S. *Treaties and Engagement Affecting the Malay States and Borneo*, London: P Jas Truscott and Son Ltd, 1925.

McArthur, M.S.H. *Annual Report on The State of Brunei for the year 1906*. British Resident Office. 1907. <http://www.polis.gov.bn/history.htm>.

Muhammad Melayong, Dr Awang Haji Muhammad Hadi, "Sejarah Hubungan Kesultanan Brunei Dengan Kesultanan Melayu Perak Darul Ridzuan: Era Kolonialisme British", *Jurnal Darussalam*, 23 (2023):32-47

Mohd Hanifah, Rashidah. *Adat Istiadat Kebesaran Brunei: Pengurniaan Gelaran Menurut Perspektif Islam*. Tesis Sarjana Sastera UKM Bangi, 1998.

Mohd Tahir, Abdul Kadir, "Makam Raja Ayang Bukti Keutuhan Pemerintahan Kesultanan" <http://www.pelitabrunei.gov.bn/news/pelita/07okt09/berita06.htm>, 22 April 2010

Othman, Mahmud Saedon. *Pelaksanaan Dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1996.

Dari Patih ke Penguatkuasa Agama: Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Islam di Brunei Darussalam
Peel, W.J. *Annual Report on Brunei for The Year 1946*, British Residence Office, 1948.

Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei 1971

Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei 1974

Penyata Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei 1976

Pg Abd Rahman, Pg Muhammad. *Ugama Islam Dalam Perlembagaan Negeri Brunei* 1959,

Ramli, Hasnan dan Ilias, Baharin, “Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan: Sejarah Penubuhan, Perundangan dan Organisasi,” *Jurnal Alami MAIK* (2024): 1-26.

Serudin, Md. Zain. *Brunei Sebuah Negara Islam: Latarbelakang Keislamannya*. Akademi Pengajian Brunei UBD, 1996.

SCRWO, 11/1954 Memorandum: Secretary to Religious Council to Secretary to Resident Brunei 18th March 1959.

St. John, Spenser. *Life in the Forest of the Far East, Travels in Sabah and Sarawak in the 1860*. Oxford University Press, 1986.

Sufri, Awg Mohd Jamil Al-, “Catatan Sejarah Penghakiman Di Brunei Pada Zaman Dahulu” dalam *Sejarah Penubuhan Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam*, penyt. Haji Karim Haji Abdul Rahman Jabatan Kehakiman Negara, 2005.

Treacher, W.H. *British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo*. Singapore, 1891.

Treacher, W. H., “British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo,” *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 20 (1880):13-74.

Turley, J.S., Souza, G.B. *The Boxer Codex: Transcription and Translation of an Illustrated Late Sixteenth-Century Spanish Manuscript Concerning the Geography, History and Ethnography of the Pacific, South-East and East Asia*. Brill, 2015.

Wan Hasbullah, W. M. D., Mohd Balwi, M. T. A., & Mat Hussain, Eizah. Pusat Sejarah Brunei: Beberapa Aspek Perbincangan tentang Koleksi Manuskrip Melayu-Islam. *Journal of Al-Tamaddun* 18, no. 2 (2023):189–204.

